

Pegawai tadbir UMT direman tujuh hari kes rasuah

7/3/18 B/HARIAN
MS 18

Kuala Terengganu: Seorang pegawai tadbir di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) di sini, direman tujuh hari sehingga Selasa depan, selepas dipercayai meminta rasuah RM10,500.

Suspek berusia 40 tahun didakwa meminta rasuah daripada dua kontraktor sebagai balasan memilih syarikat berkenaan bagi kerja pembekalan di UMT.

Suspek didakwa melakukan kesalahan itu di antara 2017 hingga 2018.

Lelaki itu ditahan ketika memberi keterangan di pejabat SPRM Terengganu di sini, jam 5.10 petang kelmarin.

Perintah tahanan reman dikeluarkan Penolong Pendaftar Mahkamah Sesyen/Majistret, Wan Aziantie Wan Ab Karim.

Ini bagi membolehkan siasatan lanjut dilakukan mengikut Seksyen 17 (a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Fakta
nombor

RM10,500

JUMLAH

rasuah diminta
daripada dua
kontraktor